# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPB (15 FEBRUARI – 1 MAC 2021)**

**DIKEMASKINI 15 FEBRUARI 2021**

**AKTIVITI**

| BIL. | AKTIVITI | ZON KUNING/HIJAU | ZON MERAH/JINGGA |
|---|---|---|---|
| 1 | **PEMBUKAAN RUMAH IBADAT** | ❑ **Dibenarkan** dibuka untuk tujuan sembahyang sahaja<br>o Wajib mengikuti SOP bagi Pencegahan dan Kawalan COVID-19 seperti di Lampiran A<br><br>❑ **Aktiviti lain** seperti upacara kebudayaan, pengkebumian, perkahwinan, mesyuarat, seminar, kursus dan lain-lain **Tidak Dibenarkan** | ❑ **Tidak Dibenarkan** untuk dibuka kepada orang ramai<br><br>❑ **Dibenarkan (kecuali di kawasan PKPD)** untuk Krew *Live Streaming* **atau** Ahli Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat sahaja<br>o Wajib mengikuti SOP bagi Pencegahan dan Kawalan COVID-19 seperti di Lampiran A |
| 2 | **JUMLAH PENGANUT** | ❑ **Tidak melebihi 100 orang** pada satu-satu masa tertakluk kepada saiz ruang rumah ibadat | ❑ **Tidak melebihi 12 orang** Krew *Live Streaming* **atau** Ahli Jawatankuasa sahaja |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPB (15 FEBRUARI – 1 MAC 2021)**

**DIKEMASKINI 15 FEBRUARI 2021**

## LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| A) | **LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19** | ❑ Menampal makluman berkaitan dengan amalan norma baru kehidupan<br>❑ Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, penggunaan *hand sanitiser* dan rekod kehadiran penganut<br>❑ Diwajibkan memakai pelitup muka dan kerap membersihkan tangan dengan sabun dan air atau hand sanitizer<br>❑ Kerap melakukan proses pembersihan dan nyah kuman permukaan yang kerap disentuh di dalam rumah ibadat dan kawasan sekitarnya<br>❑ Aktiviti yang sukar untuk mengawal keperilakuan dan keadaan di mana terdapat ramai orang pada satu-satu masa adalah tidak dibenarkan |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPB (15 FEBRUARI – 1 MAC 2021)**

**DIKEMASKINI**
**15 FEBRUARI 2021**

**LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19**

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| B) | KAWALAN DAN PENGESANAN | ❑ Kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan di dalam buku kehadiran<br>❑ Menghadkan bilangan penganut dengan memastikan penjarakan fizikal 1 meter dipatuhi<br>❑ Mana-mana Ahli Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat, Petugas dan Penganut yang didapati demam atau mempunyai gejala batuk, sakit tekak, selsema atau sesak nafas tidak dibenarkan masuk ke dalam Rumah Ibadat<br>❑ Mengelakkan keadaan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dengan jarak yang dekat)<br>❑ Aktiviti keagamaan yang melibatkan kunjungan dari rumah ke rumah adalah tidak dibenarkan<br>❑ Penceramah atau Pendita undangan dari luar Sarawak adalah tidak dibenarkan kecuali mereka telah berada di dalam Negeri Sarawak selama 30 hari berturut-turut |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPB (15 FEBRUARI – 1 MAC 2021)**

**DIKEMASKINI**
**15 FEBRUARI 2021**

## LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| C) | **AMALAN BAHARU & TANGGUNGJAWAB PARA PENGANUT** | ❑ Penganut yang menghidap penyakit kronik, warga emas dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah TIDAK DIGALAKKAN hadir<br>❑ Tidak menghadirikan diri ke Rumah Ibadat sekiranya bergejala atau mempunyai suhu melebihi 37.5 darjah celcius<br>❑ Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan dengan *hand sanitizer*<br>❑ Masuk dan keluar Rumah Ibadat secara teratur atau mengikut giliran<br>❑ Mengelakkan aktiviti bersalaman dan bersentuhan<br>❑ Berkongsi barang gunasama seperti kitab, alat tulis dan lain-lain adalah tidak digalakkan<br>❑ Segera bersurai selepas selesai aktiviti sama ada di dalam atau di luar Rumah Ibadat<br>❑ Mematuhi arahan Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat serta arahan, garis panduan dan nasihat Kerajaan yang berkuatkuasa |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPB (15 FEBRUARI – 1 MAC 2021)**

**DIKEMASKINI**
**15 FEBRUARI 2021**

**LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19**

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| D) | TANGGUNG JAWAB JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH IBADAT | ❑ Membuka kaunter untuk mengambil suhu badan, pendaftaran kehadiran, pembersihan tangan dan pemeriksaan pemakaian pelitup muka<br>❑ Membuka satu pintu masuk dan satu pintu keluar sahaja<br>❑ Memastikan para penganut yang bergejala atau mempunyai suhu melebihi 37.5 darjah celcius tidak memasuki rumah ibadat<br>❑ Memastikan para hadirin mendaftarkan diri dengan aplikasi MySejahtera atau catatan di dalam buku kehadiran<br>❑ Memastikan para penganut sentiasa mengamalkan  penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan dengan *hand sanitiser*<br>❑ Memastikan para hadirin masuk dan keluar Rumah Ibadat secara beratur atau mengikut giliran |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPB (15 FEBRUARI – 1 MAC 2021)**

**DIKEMASKINI**
**15 FEBRUARI 2021**

**LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19**

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| D) | TANGGUNG JAWAB JAWATANKUASA PENGURUSAN RUMAH IBADAT | ❑ Memastikan Jamuan Makan dihidang secara *pack food/ dome-setting/served buffet* sahaja<br>❑ Memastikan para penganut segera bersurai dan meninggalkan kawasan Rumah Ibadat selepas selesai upacara ibadat<br>❑ Melantik sekurang-kurangnya seorang petugas (warden) untuk memantau pelaksanaan dan pematuhan SOP yang ditetapkan<br>❑ Mematuhi arahan, garis panduan dan nasihat Kerajaan yang berkuatkuasa<br><br>- TAMAT- |